

19 JUL 2004

Asem-Hamidah (Bergambar)/I

MSIA AKAN PUJUK MYANMAR BERTOLAK ANSUR

Daripada Mikhail Raj Abdullah

PARIS, 19 Julai (Bernama) -- Malaysia bersama Asean akan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menyokong penyertaan Myanmar dalam Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Hanoi pada Oktober ini jika Yangon lebih bertolak ansur dalam proses demokrasinya serta membebaskan pemimpin pembangkang Aung San Suu Kyi.

"Kita berharap pihak berkuasa Myanmar akan bertolak ansur dan berbuat sesuatu terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Kesatuan Eropah (EU)," kata Duta Besar Malaysia ke Perancis, Datuk Hamidah Mohamed Yusoff di sini hari ini.

"Ia akan memudahkan kita menyokong Myanmar," katanya semasa diminta mengulas mengenai pertentangan antara Asean dan EU berhubung keanggotaan Myanmar dalam Asem. Beliau berkata demikian pada taklimat sempena lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke sini.

Hamidah yang baru bertugas di sini pada 2 Julai lepas, berkata Asem adalah antara isu yang mungkin dibincangkan apabila Perdana Menteri berjumpa Presiden Perancis Jacques Chirac, Khamis ini.

Abdullah akan melakukan lawatan pertamanya ke Perancis selaku Perdana Menteri, di atas jemputan Chirac.

Negara-negara Eropah mahu Myanmar dipinggirkan tetapi Asean berpendapat bahawa sebagai anggotanya, Myanmar, Kemboja dan Laos, perlu dibenarkan menyertai forum dialog antara Asia dan Eropah itu.

Sebagai bandingan, EU akan diwakili 10 anggota baru pada dialog di Hanoi itu.

Hamidah berkata walaupun isu Myanmar seolah-olah menjadi "duri" dalam hubungan Asean-EU, "kita mahu seluruh Asean menyertai Asem."

Suu Kyi, pemenang anugerah Nobel bagi Keamanan mengetuai parti Liga Kebangsaan bagi Demokrasi, mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya 1990 tetapi junta tentera enggan menyerahkan kuasa kepada beliau. Beliau sekarang dikenakan tahanan rumah.

Perdana Menteri Kemboja Hun Sen awal bulan ini berkata jika EU menyertai sidang itu dengan pertambahan anggota, Myanmar tidak harus dikecualikan.

Kenyataan itu menimbulkan keraguan sama ada sidang kemuncak Asem akan diadakan selepas EU membatalkan mesyuarat menteri kewangan dan ekonomi yang dijadualkan bulan lepas.

Hamidah bagaimanapun menolak tanggapan itu, katanya: "Yang saya tahu, Presiden Chirac akan menghadirinya."

Beliau berkata EU tidak ada masalah dengan penyertaan Kemboja dan Laos. "Kadang-kadang memang sukar bagi kita memujuk jiran (Asean) untuk memahami pendirian kita disebabkan dasar tidak campur tangan kita dalam urusan negara anggota lain," katanya.

Katanya, Tun Dr Mahathir Mohamad (bekas perdana menteri) dan Abdullah serta wakil khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke Myanmar Tan Sri Razali Ismail telah lama berusaha memujuk pentadbiran Myanmar.

Beliau berkata Malaysia akan terus berusaha membawa masuk Myanmar. Bekas menteri luar Belanda Hans van den Broek akan berada di Asia minggu depan bagi meneroka jalan penyelesaian dan menjelaskan pendirian EU.

Asem yang dibentuk pada 1994 adalah dialog tidak rasmi antara EU dan 10 negara Asia iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, China, Jepun dan Korea Selatan.

-- BERNAMA

MR MR JK MOZ